



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Islam adalah agama yang mengambil kira keseimbangan antara iman (kepercayaan) dan tindakan (perbuatan). Hal ini kerana kedua-duanya sangat diperlukan demi membina kehidupan yang stabil.

Pensyariatan Islam datang dengan panduan kepada manusia dalam menghadapi segala situasi dan keadaan. Setiap perbuatan atau ibadat disyariatkan kepada manusia adalah sangat praktikal dalam memenuhi keperluan rohani, fizikal, psikologi dan sosial.

Dalam menetapkan sesuatu hukum atau peraturan, Islam sentiasa mengambil kira realiti semasa, setempat serta adat dan budaya diamalkan.

Tambahan lagi, Islam tidak akan pernah membebankan umatnya dengan suruhan ataupun hukuman yang tidak

realistik sehingga menimbulkan kesusahan atau ketidakmampuan manusia untuk menuainkannya.

Firman Allah bermaksud: "Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahanan yang diusahakannya..." (Surah al-Baqarah, ayat 286)


Kita boleh lihat pensyariatan solat itu sendiri. Pada asalnya, ia difardukan 50 kali dalam sehari semalam, tetapi diringankan sehingga lima kali sehari.

Hal ini tentunya tidak membebankan kita, bahkan membolehkan kita melakukan kerja harian bagi menampung keperluan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Di samping bersifat realistik, setiap pensyariatan diturunkan itu ada faedah

# Ibadat dalam Islam tak membebangkan

HARIAN METRO 3/11/2016 p. 35



IBADAT haji menyatukan umat Islam tanpa mengira darjah dan keturunan.

tersembuni. Solat difardukan di samping memperkayakan jiwa dan rohani, ia juga bertujuan menghilangkan perasaan bangga diri dan sikap perkauman.

Kita boleh lihat manusia ketika solat berjemaah, walaupun pembesar mahupun rakyat, Melayu, Cina dan India ataupun bangsa lain, dia berdiri dalam saf sama serta

sujud di bumi yang sama.

Hal ini juga mampu kita lihat dalam pelaksanaan haji. Penyatuan antara setiap bangsa tanpa mengira warna kulit, status dan warganegara dapat dilihat ketika Muslim bersama-sama melaksanakan haji dengan memakai pakaian sama demi mengharapkan rahmat daripada-Nya.

Tambahan daripada itu,

puasa Ramadan mampu untuk membersihkan seseorang daripada sifat mementingkan diri sendiri dan pada waktu sama mampu menggalakkan sifat empati kepada orang miskin, seterusnya menatiahkan pengurangan jurang antara si kaya dan miskin.

Keseimbangan antara ibadat serta kehidupan dunia juga dapat kita lihat

melalui firman Allah dalam surah al-Jumu'ah, ayat 9 dan 10 bermaksud:

"Wahai orang-orang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkanlah jual beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu jika kamu mengetahui (hakikat sebenarnya).

"Kemudian, selepas selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah serta ingatlah akan Allah banyak-banyak supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat)."

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**